

Pengapungan RON95 tak babit kenaikan ketara

Kuala Lumpur: Harga RON95 yang akan diapungkan mulai tahun depan sejajar pelaksanaan program subsidi petrol bersasar, dijangka tidak membabitkan kenaikan ketara hingga memberi kesan mendadak kepada rakyat.

Perkiraan itu bermakna rakyat yang tidak tergolong sebagai penerima subsidi masih boleh menikmati harga petrol pada kadar berpatutan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata ia dibuat dengan mengandaikan harga mentah minyak dunia pada paras antara AS\$50 hingga AS\$60 satu tong.

"Ia secara berperingkat. Itu prinsip *gradual* (disepakati) Jemaah Menteri kerana ketika harga diapungkan kelak, impak ekonomi sukar diperbetulkan jika kita benarkan lonjakan RM2.50

atau RM2.45.

"Soal sama ada *gradual* itu satu sen, dua sen atau tiga sen, bergantung situasi (harga minyak) pada Januari tahun depan.

"Dengan menjangkakan harga minyak mentah AS\$45 ke AS\$60 satu tong, kita sudah boleh membuat ramalan.

"Justeru, selamat untuk saya katakan *gradual* (peningkatan berperingkat) sejajar pelaksanaan program subsidi petrol bersasar tahun depan itu adalah sangat minimum supaya tidak memberi kesan parah kepada rakyat," katanya menjawab soalan tambahan Khairy Jamaluddin (BN-UMNO Rembau) di Dewan Rakyat, semalam.

Khairy ingin mengetahui mekanisme penetapan harga petrol berperingkat dan kesan terhadap inflasi serta sama ada kerajaan menetapkan harga siling.



Menjawab soalan asal Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (PH-BERSATU Beluran) mengenai rasional B40 di Sabah, Sarawak dan Labuan tidak tergolong sebagai penerima program subsidi itu, Saifuddin berkata, keadaan di sana berbeza dengan Semenanjung.

Pengangkutan persendirian lazim digunakan orang awam adalah kereta dan motosikal, namun keadaan sedikit berbeza di Sabah dan Sarawak kerana ada penduduk di sepanjang sungai menggunakan bot kecil sebagai pengangkutan utama.

Bot berkenaan menggunakan enjin sangkut dan petrol sebagai bahan api, selain set generator di kawasan pedalaman.

Selain itu, agensi kerajaan tiada sumber data utama boleh digunakan untuk mengenal pasti pemilik bot dan set generator di kedua-dua negeri berkenaan.